



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### TRAGEDI RUNTUHAN DI TAPAK PEMBINAAN GUDANG DI BATU MAUNG, PULAU PINANG YANG MENGAKIBATKAN PEKERJA MAUT

---

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menzahirkan rasa dukacita dan mengucapkan takziah kepada mangsa dan keluarga mangsa yang terlibat dalam tragedi runtuhan di tapak pembinaan sebuah gudang di Batu Maung, Pulau Pinang pada kira-kira 9.58 malam tadi. Setakat pukul 1.00 tengah hari ini, 3 orang pekerja disahkan meninggal dunia, manakala 2 orang pekerja cedera parah dan telah dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut serta 4 orang pekerja lagi dikhuatir masih tertimbus.
2. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah mengarahkan sepasukan pegawai penyiasat daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Pulau Pinang untuk menjalankan siasatan terperinci bagi mengenal pasti punca kejadian serta menentukan sama ada terdapat pelanggaran kehendak perundangan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. JKKP Pulau Pinang juga telah mengeluarkan arahan serta merta untuk menghentikan semua aktiviti kerja di kawasan tersebut bagi tujuan siasatan.
3. Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, adalah menjadi kewajipan setiap majikan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya mahupun orang awam di tempat kerja di bawah kawalannya. Majikan mempunyai kawalan penuh ke atas sebarang aktiviti di tempat kerja, membuat analisa risiko dan mengadakan kawalan risiko yang berkesan sebelum pekerja menjalankan aktiviti kerja. Ini bagi mengurangkan

risiko keselamatan ke atas pekerja dan orang awam serta mengelakkan berlakunya kemalangan.

4. Selain itu, Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 ataupun OSHCIM juga menghendaki setiap pihak berkepentingan dalam industri pembinaan termasuk klien, pereka bentuk dan kontraktor, memainkan peranan dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing di tempat kerja seawal daripada peringkat reka bentuk projek pembinaan.
5. Kemalangan yang meragut nyawa pekerja ini amat dikesali. KSM menerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan JKPP terus komited dan berusaha meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara ini, termasuk dalam sektor pembinaan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**PUTRAJAYA**

**29 NOVEMBER 2023**